

**KONSEP DAN PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN DI
SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DI SEBERANG PERAI
TENGAH PULAU PINANG**

AMERUDIN BIN ISMAIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**KONSEP DAN PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN DI
SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DI SEBERANG PERAI
TENGAH PULAU PINANG**

AMERUDIN BIN ISMAIL

**Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Islam)**

JULAI 2013

2

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t yang memerintah sekelian alam, selawat dan salam buat junjungan besar nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga Baginda, para sahabat, tabi'in, tabi'-tabi'in dan seluruh umat Islam sekalian.

Ribuan kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapatlah pengkaji menyusun dan menyiapkan sebuah Tesis bagi memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Islam) atas tajuk Konsep dan Pengurusan wakaf Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.

Setinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia yang disegani Dr. Jasni bin Sulong yang telah bertanggungjawab menyelia penulisan kajian ini sepenuhnya dan sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, galakan, nasihat, dan semangat agar kajian ini dapat disiapkan. Kesediaan beliau meluangkan masa juga menjadi pendorong kepada penyelidik untuk terus berusaha ke arah melengkapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia di atas komen-komen yang membina bagi menyiapkan tesis ini. Pengkaji juga merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri tercinta Ainun Zalila bt Mohamed yang telah banyak berkorban masa dan tenaga serta anak-anak tersayang yang telah banyak memberi ruang dan waktu bagi meneruskan pengajian ini. Penghargaan yang sama juga kepada Bonda Hapisah bt Mat Hussin yang sentiasa memberikan doa restu dan didikan

sejak kecil. Pengkaji juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan dan mereka yang telah memberikan semangat dan dorongan di dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, pengkaji berbesar hati untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan Tesis Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Islam) ini. Semoga apa yang dilaksanakan ini mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t. Amin.

Sekian, Wassalam.

Amerudin bin Ismail
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

26 Julai 2013

KANDUNGAN	HALAMAN
DAFTAR KANDUNGAN	
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI GAMBAR	x
JADUAL TRANSLITERASI	xii
SENARAI SINGKATAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
 BAB 1: PENDAHULUAN	1 - 14
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Kajian Lepas	5
1.7 Metodologi Kajian	10
 BAB 2: KONSEP WAKAF DAN WAKAF PENDIDIKAN	15 - 59
2.0 Pengenalan	15
2.1 Definisi Wakaf	15
2.2 Elemen Asas Wakaf Pendidikan	23
2.3 Hikmah Wakaf Pendidikan	24
2.4 Sumber Pensyariatan Wakaf Pendidikan	27

2.4.1	al-Quran	27
2.4.2	al-Sunnah	29
2.4.3	al-Ijma'	32
2.4.4	al-Ijtihad	33
2.5	Amalan Wakaf Dalam Islam	34
2.5.1	Zaman Rasulullah s.a.w.	37
2.5.2	Zaman Kerajaan-kerajaan Islam	40
2.6	Jenis-jenis Wakaf	43
2.6.1	Wakaf Ahli/Zurri	43
2.6.2	Wakaf Khairi / Am	45
2.6.3	Wakaf Mushtarak	46
2.7	Kategori Harta Wakaf	47
2.7.1	Harta Tak Alih	48
2.7.2	Harta Alih	49
2.8	Istibdal Wakaf	53

BAB 3:	AMALAN WAKAF DI TANAH MELAYU	60-100
3.0	Pengenalan	60
3.1	Kedatangan Islam Ke Tanah Melayu	60
3.2	Sejarah Amalan Wakaf di Tanah Melayu	63
3.3	Pendidikan Islam Sebagai Asas Wakaf Pendidikan di Malaysia	65
3.3..1	Institusi Pondok	69
3.3.2	Sekolah Agama Rakyat (SAR)	73

3.3.3	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	76
3.3.4	Sekolah Agama Kerajaan Negeri (SAN)	79
3.3.5	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	81
3.3.6	Sekolah Menengah Agama Swasta (SMAS)	83
3.4	Pentadbiran Wakaf di Malaysia	85
3.5	Bentuk-bentuk Wakaf Terkini	87
3.5.1	Wakaf Dengan Instrumen Sukuk Musyarakah	89
3.5.2	Saham Wakaf	90
3.5.3	Wakaf Korporat	91
3.5.4	Takaful Wakaf	92
3.6	Peranan Wakaf dan Aplikasinya di Malaysia.	94

BAB 4: WAKAF PENDIDIKAN DI SAR SEBERANG PERAI TENGAH PULAU PINANG	101-158	
4.0	Pengenalan	101
4.1	Kedatangan Islam Ke Pulau Pinang	101
4.1.1	Pembentukan Awal Komuniti Islam Pulau Pinang	102
4.1.2	Dasar Inggeris Mengenai Islam di Pulau Pinang	104
4.2	Sejarah Amalan Wakaf di Pulau Pinang	105
4.3	Bidang Kuasa Pentadbiran Wakaf di Pulau Pinang	108
4.4	Kategori Dan Jenis Wakaf di Pulau Pinang	113
4.5	Projek-projek Pembangunan Harta Wakaf di Pulau Pinang	115
4.5.1	Kompleks Pendidikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami	117

4.5.2	Pembangunan Tanah Wakaf Seetee Aisah	120
4.5.3	Pembangunan 1 Blok Pangsapuri Kos Rendah	122
4.5.4	Bazar Wakaf Rakyat	123
4.5.5	Projek Usahasama Antara MAINPP dan KPJ Healhtcare Bhd.	126
4.6	Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat di Pulau Pinang	126
4.7	Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah	131
4.7.1	Madrasah Manabi’ul Ulum	132
4.7.2	Madrasah Al-Aminiah (Menengah dan Rendah)	136
4.7.3	Sekolah Menengah Agama Ibrah	140
4.7.4	Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum	145
4.7.5	Sekolah Agama Al-Masriyah (Menengah dan Rendah)	148
4.7.6	Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarifil Wataniah 2	149
4.7.7	Sekolah Menengah Agama Faqiyah Daimiah	150
4.7.8	Sekolah Menengah Agama Al-Ahmadiah Al-Ijtimaiah	152
BAB 5: KESIMPULAN DAN PENUTUP		159-170
5.0	Pengenalan	159
5.1	Kesimpulan	159
5.2	Cadangan	166
5.3	Penutup	169
BIBLIOGRAFI		171

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
JADUAL 4.1	Senarai Tanah Wakaf MAINPP Di Semua Daerah Di Negeri Pulau Pinang	112
JADUAL 4.2	Senarai Maklumat Bangunan Dan Premis Sewaan Tapak Wakaf Yang Diuruskan Oleh MAINPP Di Negeri Pulau Pinang.	112
JADUAL 4.3	Kategori Dan Jenis Harta Wakaf Di Pulau Pinang	113
JADUAL 4.4	Perbandingan Jenis Harta Wakaf Am dan Wakaf Khas Di Pulau Pinang	115
JADUAL 4.5	Projek Pembangunan Wakaf di Bawah Rancangan Malaysia ke-9 yang dibangunkan bersama majlis Agama Islam Pulau Pinang.	116
JADUAL 4.6	Kategori SAR di Pulau Pinang	128
JADUAL 4.7	Senarai Nama Sekolah Agama Rakyat(SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang	132
JADUAL 4.8	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh Madrasah Manabilul Ulum	135
JADUAL 4.9	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh Madrasah Al-Aminiah (Menengah dan Rendah)	140
JADUAL 4.10	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh SMA Ibrah	141
JADUAL 4.11	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum	148
JADUAL 4.12	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh SMA Al-Masriyah dan SRA Al-Masriyah	148
JADUAL 4.13	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh SMA Daeratul Maarifil Wataniah 2	150

JADUAL 4.14	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh SMA Faqiyah Daimiah	151
JADUAL 4.15	Harta Wakaf Yang Dimiliki Oleh SMA Al-Ahmadiah Al-Ijtimaiah	151
JADUAL 4.16	Kategori Harta-harta Yang Di Wakafkan Kepada SAR dan SABK Di Daerah Seberang Perai Tengah 2012	153
JADUAL 4.17	Bilangan Guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Daerah Seberang Perai Tengah 2012	154
JADUAL 4.18	Bilangan Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Di Daerah Seberang Perai Tengah 2012	154
JADUAL 4.19	Bilangan Pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Daerah Seberang Perai Tengah 2012	155
JADUAL 4.20	Bilangan Pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Di Daerah Seberang Perai Tengah 2012	155
JADUAL 4.21	Bayaran Gaji Guru dan Staf Yang Dibayar gaji Oleh KPM,MAIPP, LTS dan Lain-lain Sumber Kepada SAR dan SABK di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	156
JADUAL 4.22	Sumber Pendapatan SAR dan SABK Di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	157

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
LAMPIRAN 1	Senarai sekolah Agama Rakyat di Negeri Pulau Pinang 2012	181
LAMPIRAN 2	Borang Soal selidik Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	188
LAMPIRAN 3	Borang Soal Selidik SAR dan SABK	191

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR	TAJUK	HALAMAN
GAMBAR 4.1	Kompleks Pendidikan Al-mashoor di Lot PT 146 Mukim G, Balik Pulau, Pulau Pinang.	119
GAMBAR 4.2	Pembangunan Tanah Wakaf Setee Aisah di Seberang Jaya Seberang Perai Tengah (SPT)	120
GAMBAR 4.3	Pembangunan 1 blok pangaspuri kos rendah di Jalan Kg Relau, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	122
GAMBAR 4.4	Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Daerah Jawi, Seberang Perai Selatan.	123
GAMBAR 4.5	Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Bayan Baru, Daerah Barat Daya	124
GAMBAR 4.6	Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sheikh Eusoff, Daerah Timur Laut	124
GAMBAR 4.7	Bazar Wakaf Rakyat di Masjid At-Taqwa, Bertam, Kepala Batas	125
GAMBAR 4.8	Gambar Madrasah Manabilul Ulum, Penanti	133
GAMBAR 4.9	Gambar Pondok yang menjadi tempat tinggal pelajar di Madrasah Manabilul Ulum.	134
GAMBAR 4.10	Gambar Penyelidik bersama Pengetua Madrasah	136

	al-Aminiah, Permatang Pauh, Tuan Haji Azamuddin bin Alang Hamzah.	
GAMBAR 4.11	Bagunan Madrasah al-Aminiah, hasil sumbangan wakaf.	137
GAMBAR 4.12	Halaman Madrasah al-Aminiah yang tidak berturap	137
GAMBAR 4.13	Kedaifan halaman Madrasah al-Aminiah apabila hujan	138
GAMBAR 4.14	SMA al-Ibrah yang hanya dibina daripada kabin	142
GAMBAR 4.15	Kelas SMA al-Ibrah yang hanya dibina daripada kabin daripada pandangan luar.	142
GAMBAR 4.16	Bangunan Baru SMA al-Ibrah yang sedang dalam pembinaan hasil sumbangan wakaf	143
GAMBAR 4.17	Kerja-kerja pembinaan sedang berjalan di SMA al-Ibrah. Yang masih memerlukan sumbangan wakaf. Bagi menyiapkannya.	143
GAMBAR 4.18	Bangunan SMA al-Ibrah yang baru dan memerlukan sumbangan wakaf bagi prasarana seperti elektrik, air, kerusi, meja dan prasarana pembelajaran	144
GAMBAR 4.19	Sekolah Rendah Agama Bahrul Ulum yang menggunakan bangunan kedai	145
GAMBAR 4.20	Suasana di luar Sekolah Rendah Agama Bahrul Ulum yang tidak terurus.	146
GAMBAR 4.21	Bangunan Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum yang berkongsi dengan premis perniagaan lain.	146

JADUAL TRANSLITERASI

1. Konsonan

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
Ҫ	-		
È	b	بدل	badala
Ê	t	تمر	tamr
Ë	th	ثورة	thawrah
Ì	j	جمال	jamal
Í	h	حديث	hadith
Î	kh	خالد	Khalid
Ï	d	ديوان	diwan
Đ	dh	مذهب	madhab
Ñ	r	رحمن	Rahman
Ò	z	زمزم	zamzam
Ó	s	سراب	sarab
Ô	sh	شمس	shams
Ӧ	s	صبر	sabr
Ӯ	d	ضمير	damir
Ø	t	طاهر	tahir
Ù	z	ظهر	zuhr
Ú	'	عبد	'abd
Û	gh	غیب	ghayb
Ý	f	فقہ	fiqh
Þ	q	قاضی	qadi
ڏ	k	کأس	ka's
ା	l	لبن	laban

ã	m	مزمار	mizmar
ä	n	نوم	nawm
æ	w	وصل	wasl
à	h	هبط	habata
Á	,	سؤال	sa'ala
í	y	يسار	yasar
É	ah*	المكتبة	maktabah

* Huruf Arab **É** ; **ة** (ta marbutah) pada perkataan tanpa **áC**(al) yang bersambung

dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’.

Contoh : **وزارة التعليم** , transliterasi: wizarat al-ta’lim, bukannya wizarah al-ta’lim. Tetapi

sekiranya terdapat pada perkataan yang ada **áC**(al) atau pada perkataan tunggal atau

pada perkataan terakhir, ta marbutah ditransliterasikan kepada ‘h’.

Contoh:

المكتبة الأهلية

al-Maktabah al-Ahliyyah

قلعة

qal’ah

دار وهبة

Dar Wahbah

Trasliterasi:

2. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
—	a	فعل	fa’ala
○—	i	حسب	hasiba
—○	u	كتب	kutiba

3. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
í ġ	a	کاتب ، قضی	katib,qada
í	i	کریم	karim
æ	u	حروف	huruf

4. Diftong

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh Transliterasi
ف	قُول	qawl
ú	سِيف	sayf
í	رجعي	raj'iyy/raj'i
æ	عدو	'aduww/a'du

SENARAI SINGKATAN

Bil.	Bilangan
h.	Halaman
ibid	Rujukan yang berturut
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji
JCorp.	Johor Corporation
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
op.cit	Rujukan yang berselang
r.a.	Radiyallahu 'anhu
s.a.w	Sallaallah 'alayh wa sallam
s.w.t	Subhanahu wa ta'ala
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
Sdn.Bhd	Sendirian Berhad
SMAS	Sekolah Menengah Agama Swasta
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
t.t	Tanpa tahun
t.t.p	Tanpa tempat penerbitan
terj.	Terjemahan

KONSEP DAN PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DI SEBERANG PERAI TENGAH PULAU PINANG

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui konsep dan pengurusan wakaf pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Pulau Pinang, khususnya di Daerah Seberang Perai Tengah. Ini kerana SAR yang pertama di bina dengan pembiayaan wakaf di Pulau Pinang adalah di Daerah Seberang Perai Tengah dan sekolah tersebut masih wujud dan beroperasi sehingga sekarang. Kajian dilakukan bagi melihat konsep dan pengurusan wakaf pendidikan di dalam Islam dengan melihat kepada amalan sedia ada wakaf pendidikan di Tanah Melayu dan Wakaf Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Kajian juga dilakukan dengan melihat amalan wakaf pendidikan yang lebih baik dan berpotensi dengan melihat punca kemerosotan amalan wakaf pendidikan dan cara meningkatkannya. Metode kajian yang dilakukan adalah secara kajian kepustakaan, soalselidik dan temubual terhadap responden yang telah dikenal pasti. Hasil kajian menunjukkan amalan berwakaf kepada sekolah-sekolah agama rakyat semakin berkurangan berbanding di awal masa penubuhan sekolah-sekolah tersebut. Malah institusi pendidikan yang dibina atas dasar wakaf ini telah dihambat dengan pelbagai masalah seperti pengurusan, kewangan, sikap masyarakat, kemudahan insfrastruktur serta pelbagai masalah lain lagi. Sekiranya umat Islam ingin melihat institusi-institusi wakaf pendidikan ini terus berfungsi dan menjadi

institusi wakaf pendidikan yang gemilang dan terbilang, maka setiap masalah-masalah yang dibincangkan dalam kajian ini perlu diatasi. Di akhir kajian ini pengkaji memberi beberapa cadangan iaitu pihak pengurusan wakaf SAR perlulah mempromosi, menubuhkan dana wakaf, mewujudkan skim wakaf bentuk baru seperti wakaf saham dan menswastakan pungutan wakaf demi bagi mengukuhkan amalan wakaf terhadap SAR di Pulau Pinang dan di Malaysia.

**CONCEPT AND MANAGEMENT OF WAQF EDUCATION AT
PUBLIC RELIGIOUS SCHOOLS (SAR) IN SEBERANG PERAI
TENGAH, PULAU PINANG**

ABSTRACT

This study was conducted to know the concept and management of waqf education at the Public Religious Schools (SAR) particularly in Seberang Perai Tengah District. Hence, the first established SAR with waqf funding in Penang was Seberang Perai Tengah District and the school still exist and operating till now. The study was conducted to see the concept and management of educational waqf in Islam by looking at existing practices in the educational waqf in Malaysia and waqf Public Religious Schools in Penang (SAR). The study also has been carried out by viewing the potential and better waqf education practices and via existence deterioration of Waqf practices and methods of improvement. The research methods applied in this study were literature review, questionnaires and interviews of identified respondents. The results showed waqf practices in public religious schools was decreasing compared to the beginning time setting up these schools. Even, educational institutions which built on the basis of this revenue has been inhibited by a variety of problems such as management, finance, community attitudes, infrastructure facilities and various other problem. If Muslims want to see institutions of waqf education continue to be functioning and become victorious and distinctive each of the problem discussed in this study need to be solved. At the end of the study the

researcher has addressed several recommendations as waqf. The waqf SAR management should actively promote the waqf, establish waqf fund, create new scheme of waqf as share and privatize the collection of waqf for strengthening SAR waqf practices in Penang as well as in Malaysia.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini akan mengkaji mengenai asas-asas kajian dalam disertasi ini yang meliputi latar belakang, penyataan masalah, objektif, skop, kepentingan kajian, kajian lepas dan metodologi. Ia dapat memberi gambaran mengenai halatuju disertasi ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Wakaf untuk pendidikan amat penting untuk melahirkan insan yang berkualiti. Sejarah telah membuktikan bahawa amalan wakaf dalam bidang pendidikan telah melahirkan banyak institusi pengajian yang terkemuka dan tersohor di dunia, malah berkekalan sehingga melahirkan ribuan ulama yang terkenal di seluruh dunia. Antaranya ialah Universiti al-Azhar di Mesir dan Pondok Modern Darussalam Gontor di Indonesia.

Di Malaysia, wakaf untuk tujuan pendidikan telah lama berjalan dan dilaksanakan. Cuma amalan wakaf pendidikan di Malaysia adalah lebih tertumpu kepada wakaf dalam bentuk tapak tanah untuk mendirikan pondok-pondok dan Sekolah Agama Rakyat (SAR),¹ sehingga Sekolah Agama Rakyat telah melahirkan ramai ulama dan intelek. Malah mereka juga cemerlang dalam pelbagai bidang serta menjadi tokoh-tokoh penting dalam dan luar negara.

Namun masih terdapat dalam kalangan umat Islam di Malaysia yang masih kurang memahami maksud wakaf serta kurang memahami sumbangan dan peranannya

¹ Syed Mohd.Ghazali Wafa bin Syed Adwam Wafa (2010), *Pembangunan Wakaf Pendidikan Di Malaysia*, Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa ke-7: Epestimologi Tauhid – Ekonomi Zakat DanWakaf di ILIM Bangi, Selangor pada 6-7 Januari 2010.

kepada umat Islam terutama dalam bidang pendidikan. Kefahaman sempit masyarakat mengenai wakaf merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi bagi membangunkan harta-harta wakaf khususnya harta wakaf untuk pendidikan. Kebanyakan umat Islam masih terlalu bergantung kepada kerajaan dalam menyediakan kemudahan pembelajaran kepada mereka. Walaupun tidak dinafikan menyediakan prasarana adalah kewajipan pemerintah, masyarakat Islam sebenarnya perlu mempunyai kesedaran yang tinggi tentang peranan dan sumbangan wakaf untuk pendidikan bagi masa depan umat Islam.

Kebaikan wakaf dapat mengatasi kos operasi bagi menubuh dan membiayai institusi pendidikan Islam.² Bagaimanapun, akibat daripada kurangnya keprihatinan masyarakat terhadap wakaf pendidikan telah menyebabkan institusi pendidikan Islam seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR) merosot dan ada yang terpaksa ditutup kerana tidak mampu lagi untuk terus beroperasi bahkan SAR terpaksa memohon belas kasihan orang ramai untuk membaiki prasarana yang sedia ada, malah sesetengah prasarana SAR tidak boleh digunakan lagi kerana SAR tidak ada kemampuan kewangan untuk membaikinya.

1.2 Penyataan Masalah

Kalau kita perhatikan banyak Sekolah Agama Rakyat (SAR) dibina atas tanah wakaf dan begitu juga bangunan yang diwakaf untuk tujuan pendidikan, akan tetapi institusi pendidikan tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik, sehingga ada antara SAR yang terpaksa menutup operasinya disebabkan tidak mampu menampung kos perbelanjaan yang semakin meningkat.

² Mahmud Saedon Awang Othman, (1998) *Peranan Wakaf Di Dalam Pembangunan Ummah, Di Dalam Undang-undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, di dalam al-Ahkam Ahmad Ibrahim, Jilid 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.174

Pendekatan amalan wakaf yang diguna pakai selama ini pula hanyalah amalan wakaf yang berbentuk tradisi seperti wakaf tanah dan bangunan sahaja dan aset-aset tersebut tidak terus berkembang. Jika diperhatikan institusi-institusi wakaf pendidikan ini masih seperti asal tanpa ada usaha oleh pentadbir dan pihak pengurusan institusi-institusi itu sendiri atau pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus, menyelamat dan mengembangkannya. Sedangkan prasarana pendidikan juga perlu diberi penekanan supaya perjalanan SAR berjalan seiring dengan sekolah-sekolah milik kerajaan atau swasta. Oleh itu masalah yang dikenal pasti ialah:

- i- Amalan wakaf dalam pendidikan di SAR tidak berkembang dengan baik walaupun amalan wakaf dalam pendidikan ini telah berjalan semenjak kedatangan Islam ke alam Melayu.
- ii- Amalan wakaf pendidikan dalam bentuk selain wakaf tanah dan bangunan tidak diberi perhatian seperti wakaf biasiswa, wakaf saraan, wakaf pembelajaran seperti buku, meja dan lain-lain dan amalan wakaf bentuk baru terhadap SAR tidak diwujudkan bagi mengembangkan amalan wakaf.
- iii- Terdapat tanah wakaf yang tidak diserahkan kepada MAIN untuk ditadbir atau dipantau dengan lebih baik.
- iv- Pihak pengurusan SAR kurang mempergiatkan usaha-usaha menambahkan dana-dana wakaf pendidikan yang sedia ada.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian dirumuskan seperti berikut;

- i- Menyelidik konsep wakaf dan wakaf pendidikan dalam Islam.
- ii- Mengkaji amalan sedia ada wakaf pendidikan di Tanah Melayu.
- iii- Mengkaji amalan wakaf pendidikan di SAR di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini akan memfokus kepada konsep dan pengurusan amalan wakaf pendidikan sahaja. Penyelidik memilih SAR sebagai sampel kajian kerana kebanyakan SAR yang ditubuhkan adalah daripada hasil wakaf orang ramai, akan tetapi kebanyakan SAR ini tidak berkembang dan ada antaranya telah menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Bagi skop lokasi penyelidikan, kajian akan memfokus pada wakaf pendidikan SAR di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Dalam hal ini, penyelidik memilih SAR di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang sebagai sampel kajian lapangan kerana Wakaf Pendidikan di SAR Daerah Seberang Perai Tengah adalah merupakan bentuk wakaf pendidikan yang terawal berlaku di Pulau Pinang dan sekolah-sekolah tersebut masih beroperasi sehingga sekarang.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut :

- i- Hasil kajian ini penting supaya majoriti umat Islam menyertai wakaf, terutama dalam wakaf pendidikan bagi memartabatkan institusi-institusi pendidikan

- terutama SAR yang kebanyakan pada awal penubuhannya dibangunkan hasil daripada sumbangan wakaf.
- ii-. Hasil kajian ini penting bagi membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk membangun dan mengembangkan harta wakaf pendidikan sepetimana yang dilakukan oleh institusi-institusi pendidikan wakaf di negara-negara luar yang telah berjaya dan menjadi institusi yang megah dan terkenal tanpa mendapat bantuan daripada kerajaan.
 - iii- Hasil kajian ini diharap dapat digunakan sebagai perubahan kepada corak amalan wakaf SAR ke arah yang lebih berkesan.
 - iv- Menambahkan pengetahuan dan kesedaran tentang masalah yang ditanggung oleh SAR.

1.6 Kajian Lepas

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, kajian dan penulisan tentang wakaf telah banyak dilakukan di Malaysia, namun karya dan kajian yang telah dilakukan kebanyakannya tertumpu kepada pengurusan dan pentadbiran harta-harta wakaf, konsep wakaf, aspek perundungan wakaf, pentadbiran, pengurusan dan pembangunan harta wakaf. Antara kajian tersebut ialah tentang kajian Baharudin Sayin³, “Pengenalan kepada Konsep Wakaf dalam Islam” yang banyak membincangkan tentang konsep wakaf itu sendiri dan banyak menyentuh tentang pengurusan harta wakaf menurut undang-undang di Malaysia dan amalan-amalan wakaf terkini. Beliau cuba melihat perbezaan pentadbiran wakaf bagi setiap negeri di Malaysia berdasarkan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam

³ Baharuddin Sayin, et.al.(2006) *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf Dalam Islam*, Pusat Penerbitan Universiti MARA, Shah Alam.

bagi negeri-negeri di Malaysia. Selain itu beliau juga membuat perbandingan nama undang-undang yang digunakan di Malaysia. Kajian tersebut dilakukan bagi mendapatkan keseragaman Enakmen Wakaf di Malaysia supaya penyeragaman dan penyelarasan pengurusan wakaf di peringkat negara dapat dilaksanakan.

Selain itu “Isu Pembangunan Tanah Wakaf” karangan Kamarudin Ngah juga menjelaskan perkara yang sama tentang wakaf, antaranya ialah konsep wakaf, struktur pentadbiran institusi wakaf dan masalah pembangunan tanah wakaf dari sudut pentadbiran dan pengurusan, masalah kewangan, masalah undang-undang, masalah penyertaan awam dan beberapa lagi masalah dan isu yang timbul daripada wakaf di Malaysia.⁴ Walau bagaimanapun, dalam penulisan beliau ada juga disentuh ciri-ciri tanah wakaf yang terdapat di Pulau Pinang seperti wakaf tanah untuk masjid dan perkuburan. Selain itu, beliau juga telah mengkaji tentang lokasi, keluasan tanah wakaf dan jumlah bangunan wakaf yang terdapat di Pulau Pinang.⁵ Kajian beliau adalah bagi melihat apakah faktor-faktor yang menghalang sesuatu harta wakaf itu dapat dibangunkan seperti mana kehendak pewakaf.

Manakala daripada sudut permasalahan pembangunan tanah wakaf di Pulau Pinang pula, beliau melihat masalah-masalah yang dihadapi ialah seperti kekurangan kewangan atau modal, undang-undang, penyertaan awam, penggunaan tanah wakaf oleh orang bukan Islam dan tiada kerjasama daripada pihak orang Islam sendiri.⁶

Banyak lagi tulisan-tulisan yang memfokuskan kepada pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di Malaysia seperti kajian dalam bentuk tesis sama ada di

⁴ Kamarudin Ngah (1992), *Pembangunan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁵ *ibid.*

⁶ *ibid.*

peringkat sarjana atau Doktor Falsafah. Namun kajian-kajian tersebut juga lebih banyak memfokuskan kepada pengurusan, pentadbiran dan perundangan harta-harta wakaf.

Sebagai contoh kajian pada peringkat Sarjana Shariah yang dilakukan oleh Mohd. Zaidi Daud iaitu tentang isu-isu perundangan dalam kes-kes wakaf di Malaysia seperti masalah pertukaran pegangan tanah wakaf secara pajakan, perletahakan tanah wakaf, kemasukan syarat nyata dan sekatan kepentingan tanah wakaf, aplikasi istibdal dan kuasa mufti/jawatankuasa fatwa negeri serta isu bidangkuasa mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.⁷ Beliau melihat penyelesaian kepada kes-kes dan isu-isu tersebut adalah berdasarkan kepada peruntukan enakmen-enakmen wakaf bagi negeri-negeri itu sendiri.

Selain itu terdapat juga kajian pada peringkat Ph.D seperti yang dilakukan oleh Mohd Afandi Mat Rani berkaitan dengan analisis beliau tentang pengambilan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri menurut hukum syarak dan aplikasinya di Malaysia. Secara keseluruhannya, Beliau melihat Malaysia begitu bertegas dalam soal pengambilan yang membabitkan tanah wakaf. Bagi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai PemegangAmanah Tunggal harta tanah wakaf adalah menjadi hasrat MAIN untuk mempertahankan seboleh yang mungkin bagi mengelakkan tanah wakaf diambil khususnya tanah wakaf Khas seperti tapak masjid/ surau dan kubur. Ini dapat dibuktikan di Terengganu, walaupun Jawatankuasa Fatwa mengetahui dari segi undang-undang tanah negara bahawa pentadbir tanah tidak perlu memohon persetujuan daripada MAIN, namun di atas keprihatinan dan menjaga kemaslahatan hukum syarak, setiap pengambilan yang

⁷ Mohd. Zaidi Daud (2009), *Isu-isu perundangan dalam kes-kes wakaf di Malaysia*, Tesis Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

dibuat oleh kerajaan hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).⁸

Begitu juga penulisan dalam bentuk kertas-kertas kerja yang juga banyak menyentuh tentang pengurusan dan pentadbiran harta wakaf. Sebagai contoh, kertas kerja yang ditulis oleh Azizan Hamid, “Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf Di Malaysia”⁹ dan Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Tajuddin Abdul Rahman dalam kajiannya “Pengurusan Wakaf ke Arah Memantapkan Ekonomi Ummah”¹⁰. Begitu juga Pengurusan Wakaf di Perak : Amalan dan Perancangan¹¹ kajian Mohd Yusop Yahya menghuraikan perkara yang sama tentang pengurusan wakaf.

Selain daripada kajian di atas, terdapat juga kajian perbandingan tentang wakaf seperti kajian yang dilakukan oleh Mohd Daud Bakar, “Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan Islam Malaysia”¹² Kajian-kajian tersebut melihat kepada pentadbiran dan pengurusan harta wakaf di dalam memajukan dan memantapkan ekonomi kepada individu, masyarakat dan negara dengan menggunakan pendekatan yang berbeza sama ada kaedah sedia ada seperti wakaf tanah dan bangunan atau kaedah kontemporari seperti wakaf saham dan wakaf sukuk. Kemudian kaedah-

⁸ Mohd Afandi Mat Rani (2008), *Pengambilan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri : analisis menurut hukum syarak dan aplikasinya di Malaysia* . Tesis (Ph.D) , Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

⁹ Azizan Hamid (1999), *Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf Di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru, Universiti Teknologi Malaysia pada 8 Julai 1999

¹⁰ Ahmad Tajudin Abdul Rahman (2004), *Pengurusan Wakaf Ke Arah Memantapkan Ekonomi Ummah*. Fakulti Ekonomi dan Muamalat Islam Malaysia, Kertas kerja dibentangkan di Konvesyen Sistem Ekonomi Islam. (iECONS) Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2004.

¹¹ Mohd Yusof bin Yahya (1999), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

¹² Mohd Daud Bakar (1999), *Amalan Institusi Wakaf Di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan Islam Malaysia*, dalam Nik Mustapha Nik Hassan et. (ed), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm.182.

kaedah tersebut cuba diketengahkan supaya menjadi panduan kepada negeri atau negara lain sebagai modul untuk memantapkan institusi wakaf wakaf.

Menyentuh tema “wakaf pendidikan” terdapat juga kajian mengenainya yang dilakukan oleh Mohd Jelani Bin Ramly iaitu “Kajian Ke Atas Wakaf Bagi Tujuan Pendidikan Untuk Memenuhi Permintaan Sekolah Agama Bersepadu Di Johor Bharu”¹³ dan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Zaki bin Hj. Abd Latif “Pengurusan harta wakaf dan potensinya kearah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia”¹⁴. Tetapi kajian-kajian tersebut lebih menjurus kepada aspek pengurusan harta wakaf dalam pendidikan di Malaysia dari sudut pengurusan pentadbiran, tenaga pakar, pemasaran, kewangan dan pengurusan maklumat. Walau bagaimanapun Kajian-kajian tersebut ada menyentuh sejarah awal pendidikan wakaf di Malaysia dan tujuan masyarakat mewakafkan harta dalam bidang pendidikan, Selain itu perbandingan juga dilakukan dengan institusi-institusi wakaf yang telah berjaya di luar negara seperti kajian Dr. Murat Cizakca. Dr. Murat Cizakca di dalam tulisannya yang bertajuk *A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World From The Seventh Century to The Present* menyatakan bahawa semasa zaman pemerintahan Othmaniah di Turki dahulu, amalan wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat. Akan tetapi di Malaysia, instrumen wakaf dilihat sebagai satu bentuk kebijakan di mana ia dilakukan bagi tujuan untuk mendapatkan pahala semata-mata dan ia sering disinonimkan dengan wakaf berbentuk harta tak alih seperti wakaf tanah. Oleh kerana

¹³ Mohd Jelani Bin Ramly (1998), *Kajian Ke Atas Wakaf Bagi Tujuan Pendidikan Untuk Memenuhi Permintaan Sekolah Agama Bersepadu Di Johor Bharu*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia

¹⁴ Ahmad Zaki Hj. Abdul Latif (2006). *Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia*, Kajian IRPA, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor.

keterbatasan persepsi yang ada maka harta yang diwakafkan itu ada kalanya tidak memberi manfaat sepetimana yang diharapkan. Oleh itu jika pihak-pihak yang berkaitan dengan wakaf di Malaysia berjaya mengubah persepsi masyarakat bahawa amalan wakaf tidak seharusnya terhad kepada harta yang kekal sahaja, malah ia juga boleh dibuat dalam bentuk harta boleh ubah seperti wang tunai, maka masalah yang berkaitan dengan kegagalan fungsi wakaf berperanan dalam memajukan sosioekonomi ummah dapat diatasi.¹⁵

Jika dilihat kepada tajuk-tajuk penulisan di atas, kajian-kajian tersebut tidak mengkaji tentang amalan wakaf pendidikan di SAR terutama di Negeri Pulau Pinang secara khusus. Kajian-kajian tersebut Oleh kerana itu penyelidik merasakan masih ada ruang dan penyelidik terpanggil untuk menjalankan kajian terhadap amalan wakaf dalam pendidikan di SAR di Pulau Pinang.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian tentang konsep dan pengurusan wakaf pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang telah menggunakan pendekatan penyelidikan berbentuk kualitatif dan sedikit kuantitatif. Kajian ini lebih bersifat teori dan sedikit mengenai praktis dengan mengkaji sesuatu fenomena sosial melalui pemerhatian, temubual yang menghasilkan data deskriptif.¹⁶ Kajian melalui metode kualitatif juga digunakan untuk proses inkuiiri bagi memahami masalah sosial atau

¹⁵ Murat Cizakca (2000), *A history of philanthropic foundations: The Islamic world from the seventh century to the present*, Istanbul: Bogazici University Press.

¹⁶ Othman Lebar (2006), *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metode*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, h.2

masalah manusia¹⁷ dengan lebih mendalam setelah memerhati, menjelaskan dan mentafsir latar dalam keadaannya yang sebenar¹⁸ dan menghidupkan semula pengalaman yang dilalui oleh subjek kajian untuk memahami makna yang mereka bina dalam kehidupan mereka. Oleh itu, umumnya pendekatan kualitatif digunakan untuk melihat amalan wakaf di SAR Pulau Pinang dan permasalahan-permasalahan yang berlaku terhadap amalan-amalan tersebut. Melalui penyelidikan kualitatif ini, maklumat berkembang dan berubah semasa kajian bergantung kepada data tambahan yang dikumpul. Semasa analisis data dibuat, banyak persoalan-persoalan atau isu-isu baru diterima dan penyelidik bersikap responsif terhadap apa yang berlaku semasa menganalisis data bagi memastikan data yang tepat dan benar dikumpul¹⁹ dan dalam latar yang sebenar iaitu melibatkan kerja lapangan dengan membuat pemerhatian serta temubual.²⁰

Metode yang akan digunakan terbahagi kepada dua cara iaitu melalui pengumpulan data dan analisis data.

1. Pengumpulan Data

Pengumpulan data ini dilakukan melalui dua cara iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Pengumpulan data ini dilakukan dengan cara mengadakan kajian kepustakaan dan internet untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan daripada bahan bertulis seperti buku, kertas kerja, tesis, jurnal, keratan akhbar, laporan tahunan dan profil tambahan atau sekolah. Dengan membuat kajian ke atas karya-karya berkaitan, membolehkan penyelidik membuat pentafsiran dapatkan kajian secara lebih berkesan. Ini kerana penyelidik telah membiasakan diri kepada pengetahuan sesuatu

¹⁷ *Ibid*,h.9

¹⁸ *Ibid*,h.10

¹⁹ *Ibid*,h.6

²⁰ *Ibid*,h.26

bidang. Oleh itu penyelidik boleh mengemukakan pendapat berasaskan teori-teori dan pengetahuan yang wujud. Dengan cara ini, maklumat dan pengetahuan penyelidik boleh menjadi lebih kukuh dan meningkatkan pengetahuan.²¹ Pengetahuan yang kukuh penting bagi mengelakkan pengetahuan yang berasingan. Pengetahuan yang berasingan boleh mengkucar-kacirkan pengetahuan sedia ada. Dengan keupayaan penyelidik mengkaji karya-karya berkaitan akan menunjukkan penyelidik mempunyai pengetahuan yang luas mengenai penyelidikan, pendapat dan teori yang berkaitan dengan tajuk dan masalah yang hendak dikaji.²² Oleh itu bagi kajian kepustakaan, kajian akan dilakukan dibeberapa buah perpustakaan, antaranya :

- i. Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia.
- ii. Perpustakaan Kolej Universiti INSANIAH Kedah.
- iii. Perpustakaan Tan Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- iv. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- v. Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- vi. Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Manakala pengumpulan data daripada kajian lapangan pula ialah melalui pemerhatian. Pemerhatian dilakukan bagi merekodkan dapatan kajian dengan melihat sesuatu perkara secara langsung dengan menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam membuat interpretasi tentang apa yang diperhati. Pemerhatian melibatkan tindakan mengambil nota dan mengambil gambar²³ terhadap SAR yang dipilih. Pemerhatian juga

²¹ Mohd Majid Konting (1994), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.45

²² *Ibid.*

²³ Othman Lebar, *op.cit*, h.110

dilakukan bersama soal selidik dan temubual yang kemudiannya maklumat tersebut boleh digabungkan untuk menjelaskan dapatan yang diperolehi dengan lebih mendalam dan mempunyai kesahan.²⁴ Temubual adalah seperti berikut:

- i- Temu bual pihak pentadbiran Sekolah Agama Rakyat di Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.
- ii- Pemerhatian di SAR yang diasaskan melalui sumbangan harta wakaf.
- vii. Temu bual Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

2. Metod Analisis Data

Metode analisis data akan menggunakan tiga kaedah berikut. Iaitu induktif deduktif dan komperatif.

a. Analisis induktif

Analisis induktif bermakna analisis yang dimulai dengan melakukan observasi spesifik menuju terbentuknya pola umum. Satu kesimpulan akan dibuat daripada data-data khusus yang terkumpul semasa mendapatkan konsep wakaf dalam pendidikan. Kemudian menjurus kepada kepentingan wakaf pendidikan dalam konsep wakaf. Kaedah ini akan dapat dilihat hasil penggunaannya dalam bab lima.

b. Analisis Deduktif

Manakala metode deduktif pula ialah dengan membuat kesimpulan daripada kenyataan-kenyataan umum kepada kenyataan yang khusus. Metode ini akan meneliti

²⁴ *Ibid.*

secara mendalam melalui proses mendapatkan maklumat tentang konsep wakaf itu sendiri dan dirumuskan kepada kesimpulan khusus amalan wakaf dalam pendidikan di SAR.

c. Analisis Komparatif

Penyelidik juga akan menggunakan metode Komparatif bagi membandingkan data-data yang diperolehi bagi menghasilkan satu rumusan. Antaranya perbandingan di antara sumber-sumber kitab yang menerangkan tentang sejarah wakaf itu sendiri semenjak zaman Rasulullah s.a.w sehingga kepada zaman moden sekarang yang menggunakan konsep wakaf kontemporari. Dengan melihat amalan wakaf melalui sejarah akan timbul persoalan tentang amalan wakaf yang pernah berlaku daripada sesuatu peristiwa, perkembangan atau pengalaman amalan yang terjadi²⁵ seperti amalan wakaf baju besi dan peralatan perang bagi kategori wakaf harta alih pada zaman Rasulullah s.a.w. dan perkaitannya dengan amalan wakaf. Hasil daripada perbandingan ini akan menjadi kesimpulan dan rumusan tentang amalan wakaf Pendidikan di SAR di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Selain itu data-data kualitatif diperolehi melalui lawatan penyelidik ke Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang bagi mendapatkan data-data mengenai pengurusan, perkembangan, sumbangan dan potensi wakaf terhadap SAR. Selain itu penyelidik juga melawat ke beberapa buah sekolah SAR yang dikenal pasti mendaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang serta terletak di Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.

²⁵ Mohd Majid Konting, *op.cit*, h45.

BAB 2

KONSEP WAKAF DAN WAKAF PENDIDIKAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa konsep yang berkaitan dengan wakaf seperti definisi wakaf secara umum, amalan wakaf dari sudut sejarah, perbandingan antara wakaf dan sedekah, sumber pensyariatan wakaf, teori asas wakaf dan objektif wakaf. Dalam bab ini suatu konsep wakaf akan diketengahkan agar ia dapat menjadi suatu landasan yang teguh bagi penyelidikan seterusnya.

2.1 Definisi Wakaf

Perkataan wakaf dari segi bahasa ialah *al-habsu* “الحْبْسُ” yang berasal dari kata kerja *habbsa* “حبّسَ” *habsan* “حَبْسَانٌ” iaitu menjauhkan orang dari sesuatu atau memenjarakan. Kemudian kata ini berkembang menjadi *habbasa* “حَبْسَانٌ” yang bererti mewakafkan harta kerana Allah.²⁶ Wakaf berasal daripada kalimah *waqafa* “وقفَ” dan *tahbis* “تحْبِسَ” bermaksud menahan.²⁷

Manakala perkataan wakaf menurut istilah para *fuqaha*²⁸ pula seperti menurut pandangan Mazhab Shafi'i ialah menahan sesuatu harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya dengan cara menyerahkan hak miliknya kepada seseorang yang diharuskan dan ada pada ketika itu.²⁸ Malah menurut beliau lagi, wakaf ialah penahanan sesuatu harta dari pemiliknya yang asal dan berpindah kepada pemilik yang baru untuk

²⁶ al-Bustani, Fuad Ifram (1956), *Munjid al-Tullab*, Beirut:Dar al-Mashrik, h.104

²⁷ Wahbah al-Zuhaili (1997), *al-Fiqh al-Islami wa Adlillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid.10, h.7599.

²⁸ Mustofa al-Khin et.al (2005), *Fiqh Manhaji Kitab Fiqah Madhhab Shafi'i*,(terj), Shah Alam:Pustaka Salam Sdn.Bhd, h.999.

menguruskannya supaya dapat mengambil faedah dari harta wakaf itu untuk tujuan kebijakan serta untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Manakala wakaf menurut Mazhab Hanafi ialah menahan sesuatu harta di bawah kekuasaan Allah s.w.t di mana hak milik si pewakaf akan berpindah kepada Allah s.w.t dan hasil daripada harta tersebut digunakan untuk kebaikan orang ramai. Harta wakaf akan bertukar menjadi milik Allah, maka hendaklah harta tersebut digunakan pada jalan-jalan kebijakan atau perkara-perkara ma'ruf.²⁹

Wakaf pada pendapat Mazhab Maliki pula, ialah menyedekahkan manfaat sesuatu harta selama mana harta itu wujud dan kekal pemilikan harta tersebut mengikut kehendak pewakaf.³⁰ Ini adalah berdasarkan maksud hadis, “Tahanlah asal harta tersebut dan alirkan hasilnya”. Maksud menahan di atas bukanlah bererti terputus milik pewakaf tetapi ia masih tetap dalam pemilikannya. Walaupun pemilikan harta tersebut masih kekal kepada pewakaf namun pemilikannya adalah pemilikan yang terikat iaitu pewakaf masih tidak boleh menjual harta tersebut dan tidak boleh lagi berbelanja dengannya sebagaimana harta yang dimilikinya.³¹

Manakala wakaf menurut ulama-ulama daripada Mazhab Hanbali pula, sepetimana menurut Shaikh Mawqif al-Din Ibn Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah telah mentakrifkan wakaf sebagai menahan asal harta (tanah) dan menyedekahkan hasil buahnya. Takrif yang diberikan oleh beliau menyamai takrif

²⁹ Ibn al Humam, Kamal al-Din Muhammad bin Abdullah al-Hanafi (1979), *Sharh Fath al-Qadir*, Misr:Mustafa al-Babi al Halabi, Jilid 6, h.199.

³⁰ Malik bin Anas (t.t), **al-Mudawamah al-Kubra**, Misr:Matba'ah al-Sa'adah, Jilid 6, h.98.

³¹ *Ibid*

yang diberikan oleh Ibn Qudamah yang juga mengatakan wakaf ialah menahan asal harta (tanah) dan menyedekahkan manfaatnya.³²

Perkataan “ditahan” di atas membawa erti bahawa sesuatu harta yang diwakafkan (*mawquf*) tidak boleh dilibatkan dalam mana-mana transaksi atau pindah milik seperti dijual, dicagar dan sebagainya. Sebagai penerima wakaf (*mawquf ‘alayh*), seseorang itu hanya boleh manfaatkan harta berkenaan tanpa mempunyai hak pemilikan penuh. Justeru pemilikan ini boleh dikategorikan di bawah “pemilikan tidak sempurna” (*milik al-naqis*). Ini kerana wakaf bukanlah akad yang berbentuk pertukaran tetapi ia adalah akad yang menggugurkan hak milik untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah dan hak milik itu akan berpindah kepada Allah s.w.t.³³

Pewakaf tidak diharuskan mengambil manfaat daripada apa yang diwakafkan kecuali harta yang diwakafkan itu berbentuk kegunaan umum seperti masjid, tanah perkuburan dan sekolah,³⁴ kecuali jika pewakaf meletakkan syarat bahawa dia juga boleh mengambil manfaat wakaf tersebut berdasarkan bahagian yang diperuntukkan kepadanya.

Selain meneliti satu persatu definisi yang diutarakan oleh *fuqaha*’ di atas, suatu kesimpulan dapat dibuat bahawa para *fuqaha*’ mendefinisikan wakaf dengan maksud dan ciri-ciri yang sama, iaitu wakaf bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada

³² Ibn Qudamah, ‘Abdullah bin Ahmad (1972), *al-Mugni*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, Jilid 6, h.185

³³ Siti Mashitoh Mahamood (2007), *Undang-undang dan Prosedur Wakaf* dalam Jurnal Undang-undang Malaysia , *Prinsip dan Amalan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.245.

³⁴ Ibn Qudamah, *op.cit*, h.185

Allah s.w.t. dan memberi kebajikan kepada orang lain. Pewakaf juga tidak mempunyai hak ke atas harta tersebut.³⁵

Ciri-ciri ini amat penting untuk diketengahkan kerana ia merupakan perkara utama yang membentuk wakaf. Tanpa ciri-ciri tersebut sesuatu harta itu tidak dapat dikatakan sebagai wakaf. Boleh jadi ia hanyalah sebagai sedekah, hibah, wasiat atau *tabarru'*. Sebaliknya, apabila ciri-ciri ini dipenuhi, maka tiada lagi sebarang halangan untuk mengkategorikannya sebagai “wakaf”. Berikut adalah huraiyan terhadap ciri-ciri yang dimaksudkan melalui hadis Nabi Muhammad s.a.w.

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ قَالَ: أَصَابَ عُمَرَ أَرْضًا بِخَيْرٍ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي أَصَبَتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ لَمْ أَصِبْ مَا لَمْ
قُطِّعَ أَنفُسِي مِنْهُ فَمَا تَأْمِنِي بِهِ. قَالَ: إِنْ شَاءَتْ حَبْسَتْ أَصْلَهَا وَلَا
يَتَنَعَّمُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوَهَّبُ، قَالَ: فَتَصَدِّقُ عُمَرٌ فِي الْفَقَرَاءِ وَفِي الْقَرِيبِ وَفِي
الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا أَنْ
يُأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعَمَ صَدِيقًا غَيْرَ مَتَّمُولٍ فِيهِ.

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Umar r.a. katanya: “Umar telah mendapat habuan sebidang tanah daripada *ghanimah* perang *Khaybar*, lalu datang meminta perintah daripada Rasulullah s.a.w. tentang tanah tersebut, dia berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya telah mendapat habuan tanah daripada *ghanimah* perang *Khaybar* yang paling saya suka dari harta lain yang ada pada saya selama ini, maka apa perintahmu kepadaku dengan tanah itu”. Sabda Rasulullah s.a.w. “Kalau kamu mahu, kamu tahanlah (wakafkanlah) tanah itu dan sedekahkanlah hasilnya”. Kata Ibn ‘Umar lagi: ‘Umar r.a. telah menyedekahkannya kepada orang-orang fakir, kaum kerabat, hamba yang baru merdeka, pejuang-pejuang di jalan Allah, ibn sabil dan tetamu-tetamu. Tidaklah berdosa sesiapa yang menyelia tanah wakaf itu memakan sebahagian hasilnya sekadar yang patut, boleh juga ia memberi makan kawan-kawannya tetapi tidaklah boleh ia mempermilikinya.³⁶

³⁵ al-Khatib al-Syarbini (1997), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut:Dar al-Makrifah, Jilid 2, h.485.

³⁶ al-Imam Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (t.t), *Fath al-Bari bi Sharhi Sahih al-Bukhari*, Lubnan: Dar al-Ma’rifah Beirut, Jil.5, hadis 2764, h.392

Amalan perwakafan di atas menceritakan bagaimana Saidina Umar Ibn al-Khatab telah pergi berjumpa dengan Rasulullah s.a.w untuk bertanyakan pendapat baginda tentang sebidang tanah yang diperolehinya mengenai pembahagian harta di *Khaybar* dan Rasulullah s.a.w telah memberikan pendapatnya, kalau saidina ‘Umar mahu, beliau boleh mewakafkan tanah tersebut dan sedekahkan hasilnya untuk tujuan-tujuan kebajikan sepertimana maksud hadis di atas. Beliau juga membenarkan kepada sesiapa yang menguruskan harta tersebut memakan hasilnya sekadar yang diperlukan, tetapi jangan melampaui batas-batas yang wajar.³⁷ Malah Abu Ubayd berpendapat bahawa *Khaybar* diambil selepas berlaku peperangan dan selepas diambil 1/5 daripada hartanya, maka bakinya dibahagikan kepada orang-orang Islam. Mengikut Abu Ubayd, pada teorinya tanah itu bergantung kepada dua pilihan sama ada ianya dibahagikan sebagai *ghanimah* kepada tentera Islam atau diistilahkan sebagai harta wakaf bagi orang-orang Islam. Ini kerana Nabi Muhammad s.a.w. telah membahagikan tanah di *Khaybar* kepada 36 lot dan tiap-tiap lot mengandungi 100 bahagian. Umar kemudiannya mewakafkan sebahagiannya untuk kaum kerabatnya dan sebagian lagi adalah untuk orang-orang Islam.³⁸

Dari hadis tentang wakaf Umar r.a tersebut kita perolehi kesimpulan-kesimpulan sebagai berikut:

- i. Harta wakaf tidak dapat dipindahkan kepada orang lain, melalui jual beli, diwariskan atau dihibahkan.

³⁷ Osman bin Jantan (2001), *Pedoman Mu'amalat dan Munakahat*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h.97.

³⁸ Mohd. Ridzuan Awang (1987), *Konsep Undang-undang Tanah Islam, Pendekatan perbandingan*, Selangor: al-Rahmaniah, h.6.

- ii. Harta wakaf terlepas dari milik orang yang berwakaf dan harta tersebut menjadi hak milik Allah s.w.t.
- iii. Tujuan wakaf harus jelas dan termasuk amal kebajikan menurut pandangan Islam.
- iv. Harta wakaf boleh digunakan oleh pengurus harta tersebut sekadar perlu dan tidak berlebih-lebihan.
- v. Harta wakaf hendaklah sesuatu yang tahan lama, tidak musnah dengan cepat setelah dipergunakan.

Oleh itu konsep wakaf sebenarnya tertumpu kepada pembekuan atau pemegangan aset yang diwakafkan dan penyaluran manfaat harta yang diwakafkan berkenaan untuk digunakan bagi faedah benefisiarinya. Dilihat dari sudut pemilikan aset berkenaan, wakaf dianggap sebagai hak milik Allah. Konsep ini menekankan bahawa pewakaf dan aset yang diwakafkan tidak mempunyai sebarang hubungan lagi selepas sesuatu kontrak perwakafan diwujudkan. Oleh itu seseorang pewakaf tidak mempunyai sebarang hak untuk menjalankan apa-apa transaksi terhadap aset yang diwakafkan. Konsep ini juga didapati memenuhi ciri-ciri penting sesebuah perwakafan, iaitu elemen kekal dalamnya.

Amalan wakaf diertikan sebagai sedekah jariah, namun perlu juga dilihat perbezaan antara sedekah biasa dan sedekah jariah. Sebenarnya terdapat beberapa istilah dalam feqah mengenai wakaf, antaranya ialah sedekah. Sedekah terdapat dalam dua bentuk iaitu *al-Sadaqah al-tatawwu'* atau sedekah biasa dan kedua ialah *al-Sadaqah al-jariah* (wakaf). Sedekah biasa ialah sedekah yang tidak terikat dengan apa-apa syarat sebagaimana Allah s.w.t. berfirman;

وأنفقوا من ما رزقناكم من قبل أن يأتي أحدكم الموت فيقول رب
لولا حرني إلى أجل قريب فأصدق وأكن من الصالحين.

Maksudnya: Dan belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu; lalu ia berkata “Ya Tuhan, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian)ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang soleh?”³⁹

Manakala sedekah jariah atau wakaf, ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum dan khusus seperti mana yang telah ditetapkan oleh pewakaf dengan tujuan untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah s.w.t. Amalan sedekah jariah atau wakaf ini telah disebut di dalam hadis Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (إِذَا ماتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةً جَارِيَةً أَوْ عِلْمًا يَنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدًا صَالِحًا يَدْعُو لَهُ) .

Maksudnya : Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Apabila mati anak Adam, akan terhentilah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkannya atau anak yang soleh yang mendoakannya.”⁴⁰

Jika dilihat kepada perbandingan tersebut, sedekah dan wakaf mempunyai persamaan dan perbezaan . Persamaan antara Sedekah dan Wakaf adalah merupakan dua bentuk pengeluaran harta oleh seorang muslim berdasarkan tuntutan agama, yang berasaskan kepada dasar bantu membantu sesama muslim atau kaum kerabat. Dasar

³⁹ Surah al-Munafiqun [63] ayat 10.

⁴⁰ al-Tirmizi, Abi ‘Isa Mohammad bin ‘Isa bin Surah (1980), *Sunan al-Tirmizi*, Beirut:Dar al-Fikr,Jilid 2, h.418

bantu membantu ini merupakan perkara positif yang diterima baik oleh semua manusia walaupun berbeza fahaman agama, bahkan sikap ini diiktiraf oleh Islam sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran:

وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على الإثم والعدوان

Maksudnya: Hendaklah kamu tolong-menolong di dalam perkara kebaikan dan takwa dan janganlah kamu tolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan.⁴¹

Dengan bersedekah dan berwakaf dapat membentuk diri dan jiwa orang yang bersedekah dan berwakaf supaya menjadi pemurah, suka membantu orang lain bahkan dapat membantu membangunkan ekonomi masyarakat dan negara. Selain itu mereka juga berlumba-lumba untuk mendapatkan ganjaran daripada Allah s.w.t. sepermata firmanNya:

مثُلَ الَّذِينَ ينفَقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمْثُلَ حَبَّةِ أَنْبَتٍ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي
كُلِّ سَنَبِلَةٍ مَائِةَ حَبَّةٍ، وَاللَّهُ يَضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ، وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ.

Maksudnya: Bandingan (Perbelanjaan derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai. Tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah amat luas (rahmat) kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.⁴²

Berdasarkan perbezaan antara sedekah biasa dan wakaf pula, sedekah biasa memberi kebebasan kepada pemberi sedekah untuk memberikan apa sahaja harta miliknya sama ada harta tersebut memberi manfaat jangka pendek atau jangka panjang bagi tujuan memperolehi balasan baik daripada Allah tanpa terikat dengan apa-apa syarat seperti wakaf. Manakala harta wakaf akan menjadi milik Allah setelah pewakaf

⁴¹ Surah al-Maidah [05] ayat 02.

⁴² Surah al-Baqarah [02] ayat 261.

mewakafkan hartanya. Beliau juga terlepas daripada milikan dan harta tersebut tidak boleh dijual beli, diwasiatkan, diwaris dan dihibahkan. Apa yang diperolehi daripada harta tersebut hanyalah manfaatnya dan harta wakaf tersebut terikat dengan tujuan pewakaf tersebut. Harta wakaf adalah harta yang bersifat kekal fizikalnya dan hasil daripada harta wakaf adalah untuk faedah umum atau khusus seperti yang telah disyaratkan oleh pewakaf dan harta wakaf yang tidak disebut syarat penggunaannya hendaklah digunakan selaras dengan hukum syarak. Termasuklah dalam konteks sedekah jariah (wakaf) ini, segala wakaf dalam bidang pendidikan.

2.2 Elemen Asas Wakaf Pendidikan

Elemen asas wakaf pendidikan adalah seperti melakukan wakaf-wakaf yang lain. Siti Mashitoh bt Mahamood dalam penulisannya,⁴³ telah menggariskan beberapa keperluan elemen asas wakaf yang merupakan rukun wakaf itu sendiri berdasarkan pendapat-pendapat ulama dengan menyatakan bahawa terdapat empat perkara yang diperlukan dalam sesuatu perwakafan: pewakaf (*waqif*), benefisiari/penerima wakaf (*mawquf A'layh/A'layhim*), harta yang diwakafkan (*mawquf*) dan lafaz yang digunakan dalam perwakafan (*sighah*).

Manakala bagi seseorang pewakaf hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut iaitu berakal, baligh, merdeka, tidak ditahan daripada menggunakan harta dan perwakafan dibuat dengan kerelaan. Sementara itu, bagi penerima wakaf pula, syarat-syarat berikut hendaklah wujud iaitu penerima ditentukan dan penerima boleh menerima pemilikan. Manakala keperluan asas bagi harta yang hendak diwakafkan pula hendaklah

⁴³ Siti Mashitoh bt Mahamood , *op.cit*, h249.

milik sempurna pewakaf, harta ditentukan, Harta yang bernilai di sisi syara' dan boleh memberi manfaat kekal. Bahkan harta yang hendak diwakafkan (*mauquf*) mestilah berbentuk objek yang tertentu seperti mewakafkan sebuah rumah. Adalah disyaratkan juga harta yang hendak diwakafkan adalah milik pewakaf serta memberi faedah dan manfaat dan boleh dipindah milik. Untuk menjadikan wakaf sebagai sedekah jariah yang memberi pahala yang berpanjangan kepada pewakaf, *fuqaha'* mensyaratkan harta yang hendak diwakafkan boleh digunakan untuk selama-lamanya. Seterusnya penggunaan harta wakaf mestilah diharuskan oleh syarak dan tidak digunakan untuk maksiat.⁴⁴ Dan yang terakhir ialah syarat bagi lafadz yang diguna pakai dalam wakaf adalah boleh secara nyata dan sindiran. Pelaksanaan wakaf tidak dikaitkan dengan sebarang perkara, kecuali bagi wakaf yang dibuat untuk dikuatkuasakan selepas kematian pewakaf yang dikenali sebagai wakaf dengan jalan wasiat dan lafadz tersebut dibuat secara kekal. Oleh itu, apa yang penting ialah wakaf yang dibuat itu adalah semata-mata bagi mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan bukan sebaliknya.⁴⁵

2.3 Hikmah Wakaf Pendidikan

Jika dilihat kepada asas pensyariatan wakaf di atas, dapatlah dikatakan bahawa sesuatu yang berlaku dalam syariat Allah tentulah mempunyai hikmahnya yang tersirat, termasuklah wakaf pendidikan. Malah manfaat wakaf bukan akan dirasai oleh orang yang menerima penyerahan harta wakaf (*mauquf 'alayh*) sahaja, tetapi juga kepada kedua-dua belah pihak iaitu pemberi dan penerima agar keperitan yang mereka rasai

⁴⁴ Asmak Ab Rahman (2008), *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia*, Kertas Kerja Dibentangkan Di International Conference Islamic Economy And Sosial Justice:Reinforcing Equity For The Common Well di Indonesia pada 24-27 Julai 2008.

⁴⁵ Siti Mashitoh bt Mahamood, *op.cit*, h249.